



**Terjemahan  
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir  
al-Qur'an  
Dengan  
al-Qur'an**

**Nota (8)**

**Surah al-Baqarah  
Ayat 113-141**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff



وَقَالَتِ الْيَهُودُ لَيْسَتِ النَّصْرَى عَلَى شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصْرَى لَيْسَتِ الْيَهُودُ عَلَى شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ وَمِثْلَ قَوْلِهِمْ قَالَ اللَّهُ إِنَّكُمْ بِئْتَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١١﴾ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسْجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَى فِي خَرَابِهَا أُولَئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٢﴾ وَاللَّهُ الْمَشْرِقِيُّ وَالْمَغْرِبِيُّ فَأَيَّتِمَّا تُولُوا فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٣﴾

Dan orang-orang Yahudi berkata: “Orang-orang Nasrani itu tidak mempunyai suatu pegangan (ugama yang benar)”; dan orang-orang Nasrani pula berkata: “Orang-orang Yahudi itu tidak mempunyai suatu pegangan (ugama yang benar)”,<sup>176</sup> sedangkan mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil).<sup>177</sup> Demikian juga orang-orang yang tidak berilmu pengetahuan (dari

<sup>176</sup> Inilah alasan bagi da'waan masing-masing yang telah tersebut di dalam ayat ke-111 sebelum ini, iaitu orang-orang Yahudi menda'wa bahawa sekali-kali tidak akan masuk syurga kecuali orang-orang yang beragama Yahudi. Orang-orang Kristian pula menda'wa bahawa sekali-kali tidak akan masuk syurga kecuali orang-orang yang beragama Kristian. Sebabnya ialah orang-orang Yahudi menganggap orang-orang Kristian tidak berada di atas landasan agama yang benar. Demikian juga dengan orang-orang Kristian, mereka menganggap orang-orang Yahudi tidak berada di atas landasan agama yang benar. Untuk masuk syurga seseorang itu mestilah terlebih dahulu berada di atas landasan agama yang benar. Sedangkan kedua-duanya Ahli al-Kitab dan kedua-duanya dari kalangan Bani Israil!

<sup>177</sup> Kenapakan orang-orang Yahudi menganggap orang-orang Kristian tidak berada di atas landasan agama yang benar? Antara sebabnya ialah kerana orang-orang Kristian mempercayai `Isa sebagai anak lelaki Allah. Sedangkan orang-orang Yahudi tidak menerima `Isa walaupun hanya sebagai seorang nabi. Orang-orang Kristian pula kenapa menganggap orang-orang Yahudi tidak berada di atas landasan agama yang benar? Antara sebabnya ialah kerana orang-orang Yahudi mempercayai `Uzair sebagai anak lelaki Allah. Sedangkan mereka tidak menerima `Uzair sebagai anak Allah. Anak Allah bagi mereka ialah `Isa. Inilah antara punca pertikaian mereka yang disebut Allah di dalam al-Qur'an. Allah berfirman:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصْرَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهَوْنَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلُ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ ﴿١١٣﴾

Bermaksud: Dan orang-orang Yahudi berkata: “Uzair ialah anak Allah”, dan orang-orang Nasrani (pula) berkata: “Al-Masih ialah anak Allah”. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, mereka meniru perkataan orang-orang kafir yang terdahulu; mereka dila'nat Allah. Bagaimana mereka boleh berpaling sampai begitu dari kebenaran? (at-Taubah:30).



kalangan musyrikin `Arab) mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu.<sup>178</sup> Maka Allah akan mengadili di antara mereka pada hari kiamat mengenai perkara-perkara yang dipertikaikan mereka.<sup>179</sup> [113].

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyekat dan menghalangi (orang lain) dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (bersembahyang dan) menyebut nama Allah di dalamnya,<sup>180</sup> dan ia berusaha

---

<sup>178</sup> Mereka ini pula mempercayai para malaikat itu ialah anak-anak perempuan Allah. Allah berfirman mengenai kepercayaan mereka itu begini:

فَأَسْتَفْتِيَهُمَ رَبِّكَ أَبْنَاثٌ وَلَهُمُ الْبَنُونَ ﴿١٤٩﴾ أَمْ خَلَقْنَا الْمَلَائِكَةَ إِنْتِنَا وَهُمْ شَاهِدُونَ ﴿١٥٠﴾

Bermaksud: (Oleh sebab ada di antara kaum musyrik Arab yang mendakwa bahawa malaikat itu anak-anak perempuan Allah) Maka bertanyalah (wahai Muhammad) kepada mereka itu: “Adilkah mereka membahagi untuk Tuhanmu anak-anak perempuan dan untuk mereka anak-anak lelaki? (149).

Atau adakah mereka hadhir sendiri menyaksikan Kami mencipta malaikat-malaikat itu perempuan?” (150). (as-Shaffaat:149-150).

أَفَأَصْفَقْتُمْ رَبِّكُمْ بِالْبَنِينَ وَالْمَخَذِ مِنَ الْمَلَائِكَةِ إِنْتِنَا لَنَقُولُنَّ قَوْلًا عَظِيمًا ﴿١٥١﴾

Bermaksud: (Jika demikian wajibnya mengesakan Allah, maka patutkah kamu mendakwa bahawa Tuhan mempunyai anak dan anak itu pula dari jenis yang kamu tidak sukai?). Adakah Tuhan kamu telah memilih anak-anak lelaki untuk kamu dan Dia mengambil untuk diriNya anak-anak perempuan dari kalangan malaikat? Sesungguhnya kamu benar-benar mengucapkan kata-kata yang amat besar (dosanya). (al-Israa’:40).

Kesimpulannya ialah segolongan musyrikin `Arab juga sama seperti golongan Yahudi dan Nashara daripada segi mempercayai Allah mempunyai anak dan menganggap kebenaran tidak ada pada orang-orang lain, ia hanya ada pada mereka sahaja. Padahal sifat-sifat dan tingkah laku mereka langsung tidak mencerminkan mereka sebagai orang-orang yang baik dan benar.

<sup>179</sup> Berhubung dengan siapakah yang betul-betul berada di atas landasan yang benar dan dijamin sebagai ahli syurga, telah pun dinyatakan di dalam ayat ke-112 sebelum ini. Lihat sekali lagi ayat berkenaan di bawah ini:

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

Bermaksud: (Tidak demikian) bahkan sesiapa sahaja yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan beribadat kepadaNya semata-mata) dan dia menjunjung perintahNya dengan sebaik-baiknya, maka ia akan mendapat balasan di sisi Tuhannya, tiada apa-apa kebimbangan kepada mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita. (al-Baqarah:112).

<sup>180</sup> Ayat ini menyatakan orang yang paling zalim ialah orang yang menyekat dan menghalangi orang lain dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk beribadat,



pula untuk merobohkannya?<sup>181</sup> Mereka tidak sepatutnya memasuki masjid-masjid itu melainkan dengan rasa takut (kepada Allah). Mereka (dengan perbuatan itu) akan mendapat kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat siksa yang amat besar.<sup>182</sup> [114].

---

termasuklah bersembahyang dan menyebut nama Allah di dalamnya. Adakah sesiapa telah melakukan begitu? Jawabnya ada, mereka adalah orang-orang musyrikin Mekah. Dua firman Allah di bawah ini menjelaskan perbuatan mereka itu:

هُم الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْهَدْيِ مَعْكُوفًا أَنْ يَبْلُغَ حِجْلَهُمْ وَلَوْلَا رِجَالٌ مُؤْمِنُونَ وَنِسَاءٌ مُؤْمِنَاتٌ لَمْ تَعْلَمُوهُمْ أَنْ تَطَّوَّهُمْ فَنُصِيبِكُمْ مِنْهُمْ مَعْرَةٌ بَعْضٌ بِبَعْضٍ لِيُذْخِلَ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ لَوْ تَرَى الَّذِينَ لَعَدَبْنَا الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٥﴾

Bermaksud: Merekalah orang-orang kafir yang menghalangi kamu dari (masuk) Masjidil Haram dan menghalangi binatang-binatang korban (yang kamu bawa) sampai ke tempat (penyembelihan)nya. Dan kalaulah tidak kerana kemungkinan kamu akan melakukan pembunuhan yang tidak sengaja terhadap beberapa orang yang beriman, lelaki dan perempuan, yang ada di antara orang-orang kafir itu, padahal kamu tidak mengetahui mereka beriman, akibatnya kamu akan menanggung kesusahan dan dukacita disebabkan pembunuhan mereka, (tentulah diizinkan kamu menyerang kaum musyrik yang mengancam kamu itu). (Tetapi tidak diizinkan) kerana Allah hendak memasukkan sesiapa yang dikehendakiNya ke dalam rahmatNya. Kalaulah mereka (penduduk Mekah yang beriman dan yang musyrik) itu berpisah (di antara satu puak dengan yang lain), tentulah Kami menyeksa orang-orang yang kafir di antara mereka dengan seksa (di dunia) yang tidak terperi sakitnya. (al-Fath:25).

وَمَا لَهُمْ آلَا يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ وَهُمْ يَصُدُّونَ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَا كَانُوا أَوْلِيَاءَهُمْ إِنْ أَوْلِيَاؤُهُمْ إِلَّا الَّذِينَ كَفَرُوا وَلَكِنْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٦﴾

Bermaksud: Dan mengapa mereka tidak patut diseksa oleh Allah, sedang mereka menyekat (orang-orang Islam) dari Masjidilharam, padahal mereka bukanlah orang-orang yang berhak menguasainya (kerana mereka kafir musyrik)? Sebenarnya orang-orang yang berhak menguasainya hanyalah orang-orang yang bertaqwa, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui. (al-Anfaal:34).

<sup>181</sup> Meroboh atau meruntuhkan masjid itu ada dua caranya. Pertama dengan menghancurkan, merosak atau mengotorkannya. Ini merupakan perobohan lahir (تخريب حسي). Kedua ialah dengan menyekat dan menghalang orang-orang daripada beribadah padanya. Ini merupakan perobohan ma'nawi (تخريب معنوي).

<sup>182</sup> Ashabul Fiil adalah satu pasukan tentera yang telah berusaha merobohkan Masjidil Haram dan Ka'bah secara khususnya sebelum kelahiran rasulullah s.a.w. Kegagalannya dan penghinaan Allah terhadap mereka di dunia telah dirakam Allah sendiri di dalam sebuah Surah al-Qur'an bernama Surah al-Fiil. Allah berfirman:



Dan kepunyaan Allah jua timur dan barat, oleh itu ke arah mana pun kamu menghadap<sup>183</sup> di sanalah wajah Allah.<sup>184</sup> Sesungguhnya Allah itu Maha Luas (rahmatNya) lagi Maha Mengetahui.<sup>185</sup> [115].

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ ۚ أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ ۚ وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ۖ تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ۖ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ۚ

Bermaksud: Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera bergajah (yang hendak merobohkan Ka`bah)? (1)

Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka sia-sia (gagal sepenuhnya)? (2)

Dan Dia telah menghantarkan kepada mereka burung berpasuk-pasukan; (3)

yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah yang keras; (4)

lalu Dia menjadikan mereka seperti daun-daun yang dimakan ulat. (5) (al-Fiil:1-5).

Itu adalah salah satu contoh akibat buruk daripada usaha menceroboh masjid-masjid Allah. Pencerobohan dilakukan dengan tujuan menghancurkan musnahkan Ka`bah dan Masjidil Haram yang merupakan masjid yang paling istimewa dan tertua di dunia.

Apa yang dilakukan oleh orang-orang musyrikin Mekah terhadap Masjidil Haram pula merupakan perobohan lahir (تخریب معنوي) dan perobohan ma`nawi (تخریب حسي) kedua-duanya sekali. Walaupun mereka tidak merobohkan bangunan Ka`bah, tetapi mereka mengotorkannya dengan sekian banyak berhala-berhala yang disembah selain Allah. Syi`ar-syi`ar syiriklah yang dijulung mereka di situ. Orang-orang yang hendak menyembah Allah semata-mata dan menegakkan syi`ar tauhid pula dihalang dan disekat mereka. Itulah yang dilakukan oleh mereka terhadap nabi s.a.w. dan para sahabat Baginda. Tidak lama setelah mereka menghalang dan menyekat rombongan rasulullah s.a.w. dengan para sahabatnya yang berangkat dari Madinah untuk ber`umrah ke Mekah pada tahun ke-6 Hijrah, hanya dua tahun selepas itu iaitu pada tahun ke-8 Hijrah, Mekah jatuh ke tangan Islam. Maka terus menjadi hinalah orang-orang yang sebelumnya begitu sombong.

<sup>183</sup> ketika bersembahyang dalam keadaan kamu tidak mengetahui arah qiblat dengan pasti, kerana dalam keadaan mengetahui dan pasti arah qiblat, kamu hendaklah menghadap ke arahnya. Itu adalah perintah Allah kepadamu, sesuai dengan firmanNya ini:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ إِلَّا يُكُونَ لِلنَّاسِ

عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِي وَلَا تَمَنَّا عَلَيْكُمْ وَرَاعَى عَلَيْكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٠﴾

Bermaksud: Dan dari mana saja kamu keluar, maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram. Dan di mana saja kamu (sekalian) berada, maka hadapkanlah wajahmu ke arahnya, agar tidak ada hujjah bagi manusia atas kamu, kecuali orang-orang yang zalim diantara mereka. Maka janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepadaKu (sahaja). Dan agar Ku sempurnakan ni`matKu atasmu, dan supaya kamu mendapat petunjuk. (al-Baqarah:150).



وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحٰنَهُ ۗ بَلْ لَّهُ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ كُلُّ لَهٗ فَيَتُوْنُ ﴿١٨٤﴾ بِدِيْعِ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَاِذَا قَضٰى اَمْرًا فَاِمَّا يَقُوْلُ لَهُ كُنْ فَيَكُوْنُ ﴿١٨٥﴾ وَقَالَ الَّذِيْنَ لَا يَعْلَمُوْنَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللّٰهُ اَوْ تَاْتِيْنَا اٰيٰتُهٗ كَذٰلِكَ قَالَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِّثْلَ قَوْلِهِمْ تَشٰبَهَتْ قُلُوْبُهُمْ قَدْ بَيَّنَّا الْاٰيٰتِ لِقَوْمٍ يُؤْفِكُوْنَ ﴿١٨٦﴾ اِنَّا اَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيْرًا وَّنَذِيْرًا ۗ وَلَا تُسْئَلُ عَنْ اَصْحٰبِ الْجَنَّةِ ﴿١٨٧﴾ وَلَنْ تَرْضٰى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصٰرَىٰ حَتّٰى تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ اِنْ هَدٰى اللّٰهُ هُوَ الْهُدٰى ۗ وَلَئِنْ اَتَّبَعْتَ اَهْوَاَهُمْ بَعْدَ الَّذِيْ جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللّٰهِ مِنْ وَّلِيٍّ وَّلَا نَصِيْرٍ ﴿١٨٨﴾ الَّذِيْنَ اَتَيْنَهُمُ الْكِتٰبَ يَتْلُوْنَهٗ حَقًّا تِلَاوَةً ۗ اُولٰٓئِكَ يُؤْمِنُوْنَ بِهِ ۗ وَمَنْ يَّكْفُرْ بِهٖ فَاُولٰٓئِكَ هُمُ الْخٰسِرُوْنَ ﴿١٨٩﴾

Mereka (orang-orang kafir) berkata: “Allah mempunyai anak”.<sup>186</sup> Maha Suci Allah (dari anak), bahkan apa yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah; semua tunduk kepadaNya.<sup>187</sup> [116].

<sup>184</sup> Itulah arah qiblat yang direndhai Allah untukmu dalam keadaan itu.

<sup>185</sup> Walaupun kamu telah tersalah menghadap qiblat, Dia tetap menerima shalatmu dan tetap memberikan ganjarannya kepadamu, kerana Dia Maha Mengetahui niat hati seseorang. Adakah ia sengaja tidak menghadap ke arah qiblat yang sebenar atau ia tidak mempunyai panduan pasti untuknya.

<sup>186</sup> Segolongan besar orang-orang musyrikin, Yahudi dan Kristian mempercayai Allah mempunyai anak. Kepercayaan mereka itu telah disebut Allah pada beberapa firmanNya di dalam al-Qur'an. Sebahagiannya telah dikemukakan pada nota 177 dan 178 yang lalu.

<sup>187</sup> Kerana semuanya adalah makhluk Allah. Dan sekalian makhluk Allah itu adalah kepunyaanNya. Hubungan Allah dengan segala apa yang ada di langit dan di bumi, bahkan di seluruh alam semesta ini adalah hubungan pencipta dan yang dicipta, bukan hubungan anak dan bapa, bukan juga hubungan sekutu yang saling memerlukan. Allah berfirman:

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ قُلِ اللّٰهُ قُلْ اَنۡا اتَّخَذْتُمْ مِّنۡ دُوْنِهٖۤ اَوْلِيَاۗءَ لَا يَمْلِكُوْنَ لِنَفْسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْاَعْمٰى وَالْبَصِيْرُ اَمْ هَلْ تَسْتَوِي الظُّلُمٰتُ وَالنُّوْرُ اَمْ جَعَلُوْا لِلّٰهِ شُرَكَآءَ خَلَقُوْا كَخَلْقِهٖ فَتَشَبَهَ الْخَلْقُ عَلَيۡهِمْ قُلِ اللّٰهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿١٧٧﴾

Bermaksud: Bertanyalah (wahai Muhammad): Siapakah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan langit dan bumi? Jawablah: “Allah”. Bertanyalah lagi: “Kalau demikian, patutkah kamu menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung dan penolong, yang tidak dapat mendatangkan sebarang manfaat bagi dirinya sendiri dan tidak dapat menolak sesuatu bahaya?” Bertanyalah lagi: “Adakah sama, orang yang buta dengan orang yang celik? Atau adakah sama, gelap-gelita